



Para peserta sedang mendengar ceramah program tersebut.

Seramai 47 Mahasiswa UMS Sertai Kursus Protokol Dan Etikat Sosial Siri 1

Disediakan oleh : Cik Norhana Bte Nordin



Semua peserta kursus bergambar bersama Cik Norhana (Penyelaras Program)

Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) telah menganjurkan Kursus Protokol dan Etikat Sosial Siri 1 yang berlangsung pada 17 Mei 2012 lepas bertempat di Bangunan Anjung Siswa, HEP.

Objektif program ini adalah untuk Memberi pengetahuan dan kemahiran asas dalam pengurusan majlis dan asas protokol majlis.

lanya juga dapat membantu para pelajar mengenalpasti perkara-perkara utama dalam pengurusan majlis sekaligus mempelajari teori dan amali menguruskan majlis serta kemahiran protokol, etika serta etikat dan komunikasi. Kesilapan juga sering berlaku semasa mengurus dan mengendalikan majlis.

Sebanyak tiga Modul telah dipelajari berkaitan pengurusan Protokol sepanjang hari tersebut antaranya Pengenalan kepada Amalan Protokol, Pengendalian Protokol bagi Majlis Rasmi dan Pengendalian Etikat Sosial. Kursus ini telah disampaikan oleh En. Mohd Hilmei Salli (Pegawai dari Bahagian Perhubungan Korporat) UMS selaku Penceramah program. Para pelajar lebih yakin dalam menjalankan sesuatu aktiviti/program yang melibatkan acara protokol di peringkat UMS.

Kursus ini di akhiri dengan sesi bergambar bersama Cik Norhana Bte Nordin (Penyelaras program), Urusetia dan peserta-peserta Kursus.

Salah seorang peserta sedang menerima hadiah kuiz dalam aktiviti yang dijalankan.



47 mahasiswa UMS sertai Kursus Protokol dan Etika Siri 1

48 25-05-2012 B34
KOTA KINABALU: Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) telah menganjurkan Kursus Protokol dan Etika Sosial Siri 1 yang berlangsung pada 17 Mei lepas bertempat di Bangunan Anjung Siswa, HEP.

Kursus yang berobjektifkan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas dalam pengurusan majlis dan asas protokol majlis disertai seramai 47 orang mahasiswa.

Penyelaras program, Norhana Nordin, berkata penganjuran kursus ini dapat membantu para pelajar

mengenalpasti perkara-perkara utama dalam pengurusan majlis sekaligus mempelajari teori dan amali menguruskan majlis serta kemahiran protokol, etika dan komunikasi.

Katanya, sebanyak tiga modul telah dipelajari berkaitan pengurusan protokol sepanjang hari itu antaranya, Pengenalan kepada Amalan Protokol, Pengendalian Protokol bagi Majlis Rasmi dan Pengendalian Etika Sosial.

"Kursus ini telah disampaikan oleh Mohd Hilmei Salli, pegawai dari Bahagian Perhubungan Korporat UMS selaku

penceramah program," katanya.

Katanya, dalam pengurusan dan pelaksanaan majlis dengan sempurna bukan sahaja akan dapat mencapai matlamat dan objektifnya, tetapi juga dapat mengelakkan pembaziran masa, kos dan tenaga.

Sehubungan itu katanya, kursus ini turut memberi gambaran positif bukan sahaja terhadap organisasi dan penganjur, malahan terhadap individu yang terlibat.

Dengannya, para pelajar akan lebih yakin dalam menjalankan sesuatu aktiviti atau program yang melibatkan acara protokol di peringkat UMS," katanya.



NORHANA merakamkan album kenangan bersama para peserta kursus.